

24 SEP 2000

SEMUA PIHAK PERLU BERTIMBANG RASA, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini meminta semua pihak supaya mengamalkan sikap bertimbang rasa ketika membuat tuntutan kepada kerajaan.

"Konsep berkongsi dan bertimbang rasa ini telah wujud secara semulajadi, sejak dari kecil lagi, jadi jangan tanya lebih," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Gerakan Belia Bersatu Malaysia ke-24 di sini, hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2000 Parti Gerakan di Pulau Pinang.

Dalam ucapan perasmian itu Dr Mahathir mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya tidak membenarkan diri mereka dipengaruhi sentimen perkauman yang keterlaluan yang akhirnya boleh memusnahkan negara.

Dr Mahathir telah berkata, walaupun setiap parti komponen berhak mempertahankan hak dan kepentingan kaum yang mereka wakili, mereka juga harus mengambil kira sensitiviti pihak lain.

Sambil menyokong kenyataan Perdana Menteri itu, Dr Ling berkata sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak tidak harus keterlaluan.

-- BERNAMA

AT ES PR